

MAKLUM BALAS PELAJAR TERHADAP PROGRAM PRASISWAZAH FAKULTI SAINS SOSIAL GUNAAN (FASS)

Arifin Hj Zainal
arifin_zainal@oum.edu.my
Open University Malaysia

Abstrak

Satu kajian telah dilakukan oleh Fakulti Sains Sosial Gunaan (Faculty of Applied Social Sciences – FASS) untuk mendapat maklum balas pelajar terhadap program ijazah pertama yang telah ditawarkan oleh fakulti. Soalselidik telah digunakan dalam kajian tersebut yang telah diedarkan kepada semua pelajar FASS melalui Pusat Pembelajaran OUM di seluruh negara.

Pengenalan

Pada 11 Mei 2011 fakulti telah mengadakan kolokium penyelidikan untuk meneliti laporan kajian fakulti bertajuk 'Tinjauan Maklum Balas Pelajar Terhadap Program yang ditawarkan oleh Fakulti Sains Sosial Gunaan (FASS)' yang dilakukan pada 2010. Kajian tersebut merupakan kajian pertama fakulti yang diketuai oleh Dr. Wong Huey Siew. Kolokium ini yang dihadiri oleh semua staf akademik, Konsultan dan staf pentadbiran telah bersetuju supaya fakulti membuat semula kajian ini kerana terdapat kelemahan pada soalselidik dan bilangan responden yang kecil.

Soalselidik telah dibaiki dan mencapai nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach yang tinggi iaitu 0.884. Terdapat dua bahagian dalam soal selidik iaitu A dan B. Bahagian A terdapat 29 item, item 1 hingga 25 menggunakan skala Likert lima pilihan jawapan 1 hingga 5, skala 1 untuk 'Tidak setuju' dan skala 5 untuk 'Amat setuju'. Sementara itu dua item lagi, 26 dan 27, berbentuk terbuka. Seterusnya item 28 berbentuk binari (ya/tidak). Akhirnya item 29 berbentuk senarai semak. Soal selidik Bahagian B pula bertujuan untuk mendapatkan maklumat biodata seperti jantina dan kaum.

Kajian kedua telah dilakukan pada akhir tahun 2011. Soalselidik telah diedar melalui Pusat Pembelajaran dengan kerjasama Prof. Ir Dr Rosli Hamir, Naib Presiden, Pengurusan Pelajar dan Pembangunan Kampus. Sebanyak 673 soalselidik telah diterima dari pelajar. Dari jumlah tersebut, hanya 254 (37.7%) soalselidik yang lengkap diisi dan boleh dianalisis. Dari segi demografi, majoriti responden ialah perempuan (61.7%), Melayu (78.8%), pelajar Tahun Satu (52.4%) dan pelajar Program Sarjana Muda Pengajian Islam (BIS) (60.0%).

Keputusan Kuantitatif

Kajian ini antara lain bertujuan untuk mendapatkan maklum balas pelajar bagi empat program ijazah pertama yang ditawarkan oleh FASS, iaitu Sarjana Muda Komunikasi (BCom), Sarjana Muda Pengajian Islam (BIS), Sarjana Muda Psikologi (BPsy) dan Sarjana Muda Sains Politik (BPS). Soalselidik yang diguna adalah untuk mengukur persepsi pelajar terhadap empat aspek iaitu program, modul, penilaian dan tutor.

Persepsi Terhadap Program

Program di sini merujuk kepada program ijazah peringkat sarjanamuda yang ditawarkan oleh FASS. Peratus persetujuan (Setuju dan Amat setuju) majoriti subjek terhadap lima daripada enam ciri program adalah tinggi iaitu di antara 59.9% hingga 89.8%. Peratus yang tertinggi ialah untuk program yang memuaskan (89.8%) diikuti oleh menepati kehendak (87.8%). Sebaliknya ciri program yang terendah persetujuan ialah program terlalu teoritikal (8.7%). Ini bermakna, majoriti subjek bersetuju bahawa program yang ditawarkan tidak terlalu teoritikal (56.7%).

Persepsi Terhadap Modul

Modul ialah bahan pembelajaran utama yang dibekalkan bagi setiap kursus yang ditawarkan oleh FASS kepada pelajar. Terdapat lima soalan berkaitan modul antaranya tentang kualiti, membantu kefahaman, bahasa yang mudah difahami dan isi kandungan menepati skop kursus. Peratus persetujuan (Setuju dan Amat setuju) subjek terhadap kualiti modul program adalah tinggi iaitu 74.5%. Peratus persetujuan kefahaman subjek terhadap modul ialah 78.3%. Peratus persetujuan subjek terhadap penggunaan bahasa yang mudah difahami ialah 78.3%. Peratus persetujuan terhadap isi kandungan modul yang menepati skop kursus ialah 76.4%. Dari segi bahasa, 23.7% tidak bersetuju (Tidak Setuju dan Kurang Setuju) bahawa bahasa yang digunakan dalam modul adalah mengelirukan. Ini bermakna 76.3% subjek bersetuju bahasa modul yang digunakan adalah tidak mengelirukan.

Persepsi Terhadap Penilaian – Tugas

Komponen penilaian kursus daripada tugas (40%) dan peperiksaan akhir (60%). Terdapat lima soalan berkaitan tugas termasuk tiga soalan positif iaitu tugas yang mudah difahami, rubrik membantu dan tahap kepuasan subjek terhadap sistem pemarkahan tugas. Dua soalan negatif iaitu rubrik tidak membantu dan mengelirukan. Hasil kajian menunjukkan peratus persetujuan (Setuju dan Amat setuju) subjek mengenai soalan tugas mudah difahami adalah 63%. Terdapat 86.6% subjek bersetuju rubrik membantu mereka menjawab soalan tugas. Sementara itu, terdapat 44.9% subjek tidak bersetuju bahawa rubrik tugas adalah mengelirukan. Ini bermakna, hanya 23.4% subjek bersetuju bahawa rubrik tugas adalah mengelirukan. Terdapat 15.4% subjek tidak bersetuju bahawa tugas tidak membantu kefahaman terhadap kursus. Dalam erti kata lain, sebanyak 61.8% subjek bersetuju bahawa tugas tidak membantu kefahaman mereka terhadap kursus. Umumnya persepsi subjek terhadap aspek tugas tersebut adalah positif kecuali tugas tidak membantu kefahaman subjek terhadap kursus.

Persepsi Terhadap Penilaian – Peperiksaan

Terdapat tiga soalan berkaitan dengan peperiksaan termasuk subjek sukakan format esei, peruntukan pemarkahan yang sesuai dan soalan peperiksaan menguji kefahaman terhadap kursus. Hasil kajian menunjukkan peratus persetujuan (Setuju dan Amat setuju) subjek yang sukakan format berbentuk esei adalah 54.7%. Terdapat 57.1% subjek bersetuju bahawa peruntukan pemarkahan adalah bersesuaian. Sementara itu, terdapat 74.4% subjek bersetuju bahawa rubrik membantu mereka menjawab soalan tugas. Terdapat 44.9% subjek tidak bersetuju bahawa kebanyakan soalan peperiksaan menguji kefahaman mereka terhadap kursus. Ini bermakna, secara umumnya persepsi subjek adalah positif terhadap soalan peperiksaan. Gabungan kedua-dua aspek penilaian, tugas dan peperiksaan, memperoleh skor min 3.6. Nilai skor min ini adalah yang terendah tetapi masih tergolong dalam kategori positif.

Persepsi Terhadap Tutor

Terdapat dua kaedah tutorial dikendalikan iaitu secara bersemuka dan dalam talian. Ini bermakna, terdapat dua kategori tutor iaitu tutor bersemuka dan e-tutor. Lima soalan berkaitan tutor termasuk penyampaian, tahap pengetahuan, membantu pembelajaran, dan berkemahiran. Satu soalan negatif iaitu e-tutor tidak responsif. Hasil kajian menunjukkan peratus persetujuan (Setuju dan Amat setuju) subjek terhadap penyampaian program adalah tinggi iaitu 79.5%. Terdapat 80% subjek bersetuju tutor berpengetahuan dalam kursus yang diajar, 81.5% bersetuju bahawa tutor membantu pembelajaran dan 76.4% bersetuju bahawa tutor berkemahiran mengajar. Sementara itu, terdapat 33.1% subjek tidak bersetuju bahawa e-tutor tidak responsif. Ini bermakna, 38.6% subjek bersetuju bahawa e-tutor tidak responsif terhadap pelajar. Umumnya persepsi subjek terhadap tutor FASS adalah positif.

Persepsi Keseluruhan Terhadap FASS

Secara keseluruhan, subjek mempunyai tahap kepuasan yang tinggi terhadap program yang ditawarkan di FASS iaitu 84.6%. Tahap kepuasan ini adalah persepsi responden kepada item 26 soalselidik. Keputusan keseluruhan tersebut ditunjukkan dalam Jadual 1. Majoriti subjek berpuas hati dengan FASS yang merangkumi aspek-aspek

program, modul, penilaian dan tutor. Skor min untuk persepsi keseluruhan responden ialah 4.2 yang tergolong dalam kategori setuju pada skala 1 hingga 5.

Jadual 1: Keseluruhan (Umum)

	Kekerapan	Peratus
Amat setuju (5)	45	17.7
Setuju (4)	170	66.9
Tidak Pasti (3)	30	11.8
Kurang Setuju (2)	7	2.8
Tidak setuju (1)	2	0.8

Seterusnya, Jadual 2 menunjukkan skor min untuk keempat-empat aspek yang diukur dan penilaian keseluruhan terhadap FASS. Persepsi terhadap program ijazah adalah yang tertinggi diikuti oleh modul dan tutor. Aspek yang terendah ialah penilaian. Umumnya, persepsi terhadap keempat-empat komponen adalah positif, yakni dalam kategori setuju dalam skala 1 hingga 5. Merujuk kepada penilaian secara keseluruhan oleh responden sendiri menunjukkan persepsi mereka terhadap fakulti adalah positif.

Jadual 2: Skor Min bagi Setiap Komponen Program FASS

Komponen Program	Min	Tahap Persepsi
Program Ijazah	3.9	Positif
Modul	3.8	Positif
Penilaian	3.6	Positif
Tutor	3.8	Positif
Keseluruhan	4.2	Positif

(Julat min: 1 – 5)

Keputusan Kualitatif

Bahagian ini melaporkan keputusan empat soalan kualitatif tentang penggunaan Bahasa Inggeris, peningkatan kualiti program, mempromosi program dan faktor-faktor mengganggu pembelajaran.

Pandangan Terhadap Penggunaan Bahasa Inggeris

Bilangan responden yang menjawab soal selidik Bahagian B amat kecil. Untuk item 26 tentang penggunaan Bahasa Inggeris, hanya 134 daripada 637 responden yang menjawab. Keputusan untuk respon terhadap penggunaan Bahasa Inggeris tersebut menunjukkan 47.0% responden bersetuju supaya modul FASS dicetak dalam bahasa Inggeris, 14.2% tidak bersetuju, manakala selebihnya (38.8%) memberi jawapan yang tidak menepati soalan. Berdasarkan keputusan ini, didapati yang bersetuju supaya modul FASS dicetak dalam bahasa Inggeris lebih tinggi peratusannya, iaitu 42.2%.

Rumusan yang tepat tidak dapat dilakukan kerana peratus responden yang tidak menjawab terlalu besar iaitu 80.1%. Komposisi responden yang dilaporkan di bahagian pengenalan laporan ini menunjukkan taburan responden yang tidak seimbang dan tidak mewakili pelajar FASS. Misalnya, dari segi tahun pengajian dan program ijazah. Majoriti responden adalah dari Tahun Satu dan pelajar program Sarjana Muda Pengajian Islam. Program Sarjana Muda Pengajian Islam ini dijalankan hampir sepenuhnya dalam Melayu.

Cadangan Peningkatan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran di FASS

Daripada 60 cadangan di atas ada yang jelas maksudnya, yang tidak jelas dan yang tidak berkaitan. Ada di antara cadangan-cadangan tersebut berlawanan antara satu sama lain. Cadangan-cadangan di atas kebanyakannya tertumpu kepada aspek-aspek tutor, pengajaran dan pembelajaran, bahasa, dan modul.

(i) Aspek Tutor

Pelbagai reaksi telah diberikan berhubung dengan tutor dan tutorial. Para responden telah mencadangkan agar pihak fakulti membekalkan tutor yang lebih baik, memainkan peranan dengan berkesan, dan mengadakan perbincangan dengan pelajar. Ada responden yang menghargai kemahiran tutor dalam bidang masing-masing. Sementara untuk e-tutor pula perlu dilakukan penambahbaikan dan e-tutor itu hendaklah bertanggungjawab. Terdapat juga responden yang mahukan masa tutorial di tambah dan kehadiran ke tutorial diberi markah.

(ii) Aspek Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)

Ramai responden yang mencadangkan agar tutor membanyakkan praktikal di dalam kelas. Seterusnya menggabungkan kelas praktikal dan teori. Responden turut menyarankan agar tutor dapat membekalkan nota berbentuk 'slide' dan ada juga yang meminta disediakan nota ringkas. Selain itu, terdapat responden yang memohon agar tutor merujuk modul. Cara pengajaran tutor hendaklah memperbanyakkan contoh dalam sesi pembelajaran, mengadakan perbincangan dengan pelajar dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih menarik. Berkait rapat dengan pembelajaran ialah peniaian. Dari aspek penilaian ini, ada responden yang menyentuh tentang keputusan peperiksaan perlu keluar tepat pada masanya. Juga ada yang menyarankan supaya mengadakan peperiksaan mid-term.

(iii) Bahasa

Daripada empat program ijazah pertama yang ditawarkan oleh FASS, tiga daripadanya menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar iaitu BCom, BPsy dan BPS. Isu bahasa merupakan antara isu yang banyak diperkatakan oleh responden. Berhubung dengan bahasa pengantar ini terdapat cadangan yang berlawanan, yakni ada yang mahukan bahasa pengantar Bahasa Inggeris, dan ada pula yang mahukan Bahasa Melayu, malah ada yang mahukan dwibahasa. Yang menariknya ada responden yang mencadangkan agar diadakan kelas tambahan Bahasa Inggeris. Ada juga responden mencadangkan agar tutor menggunakan bahasa yang mudah difahami. Juga, dicadangkan supaya mengadakan kelas berasingan mengikut bahasa pengantar.

(iv) Modul

Cadangan berhubung dengan modul juga berbagai, antaranya ialah membuat penambahbaikan dan menyemak modul, menyediakan modul yang lebih baik, menyediakan modul dalam bahasa Melayu. Terdapat juga pelajar yang menyarankan agar pembelajaran kursus psikologi mengguna buku teks.

Mempromosi Program kepada Kenalan / Keluarga

Dapatan kajian menunjukkan sebahagian besar responden bersedia untuk mempromosi program FASS. Keputusan tersebut ditunjukkan dalam Jadual 3.3 di mana terdapat sebanyak 92.4% responden berminat untuk mempromosi program yang ditawarkan oleh OUM kepada keluarga dan rakan taulan mereka. Kecenderungan pelajar untuk mempromosikan OUM ini disebabkan mereka berpuas hati dengan konsep pembelajaran dan pengajaran yang diperkenalkan oleh OUM. Meskipun pelbagai onak dan duri terpaksa dilalui di sepanjang 4-5 tahun pembelajaran, mereka menganggap ia sebagai satu pengalaman yang cukup bermakna dalam kehidupan sebagai seorang pelajar di OUM. Sejumlah 7.6% menyatakan tidak berminat untuk memperkenalkan OUM kepada sesiapaupun, barangkali kerana pelbagai cabaran yang terpaksa dihadapi di sepanjang sesi pembelajaran di OUM.

Faktor-faktor yang Mengganggu Pembelajaran Pelajar

Terdapat tiga tahap masalah pembelajaran di OUM iaitu masalah yang serius, masalah yang sederhana serius dan masalah kurang serius. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh responden, seramai 452 daripada 673 orang pelajar telah memilih empat masalah serius yang mereka hadapi semasa mengikuti pembelajaran bagi program-program yang ditawarkan dalam Fakulti Sains Sosial Gunaan. Masalah-masalah tersebut adalah masalah masa, tugas, kerja dan kewangan yang mewakili sebanyak 67.2%. Jadual 3 menunjukkan senarai masalah yang dihadapi. Hanya 5 (0.7%) yang tiada masalah. Hasil daripada kajian yang dijalankan seramai 138 orang pelajar telah memilih masalah masa sebagai faktor yang paling utama mengganggu pembelajaran mereka iaitu 20.5%. Perkara ini mungkin berlaku disebabkan oleh mereka terdiri daripada golongan yang bekerja dan berkeluarga. Mereka mempunyai masa belajar yang terhad pada hujung minggu.

Faktor kedua yang mengganggu pembelajaran pelajar adalah masalah tugas iaitu 16.5% berdasarkan kepada pemilihan kekerapan oleh pelajar seramai 111 orang. Masalah ini dianggap sebagai penting kerana pelajar sering kali menghadapi masalah semasa penyediaan tugas termasuklah kepada memahami soalan tugas, menggunakan bahan-bahan rujukan dan proses menulis tugas.

Seterusnya faktor ketiga ialah masalah kerja. Seramai 103 orang pelajar telah memilih masalah kerja sebagai masalah yang mengganggu pembelajaran mereka iaitu 15.3%. Masalah kerja termasuklah kepada komitmen pelajar yang bekerja sambil belajar memerlukan pengorbanan dan peruntukan masa pada hujung minggu di samping menguruskan keluarga terutamanya kepada golongan wanita.

Masalah kewangan juga menjadi penghalang kepada para pelajar untuk belajar kerana mereka terpaksa memperuntukkan pendapatan yang diperoleh untuk membayar yuran dan juga perbelanjaan untuk belajar. Seramai 100 orang pelajar iaitu 14.9% telah memilih masalah kewangan sebagai masalah yang mengganggu pembelajaran mereka yang merupakan faktor keempat.

Jadual 3: Faktor-faktor Mengganggu Pembelajaran

Bil	Jenis Masalah	Kekerapan	Peratus
1	Peribadi	57	8.5
2	Kewangan	100	14.9
3	Kerja	103	15.3
4	Bahasa	78	11.6
5	Masa	138	20.5
6	Keluarga	27	4.0
7	Tugas	111	16.5
8	Peperiksaan	41	6.1
9	Tutor	2	0.3
10	Pembelajaran	3	0.4
11	Sistem	5	0.7
12	Pentadbiran online	1	0.1
13	Kemudahan	1	0.1
14	Lokasi	1	0.1
15	Kesihatan	1	0.1
16	Tiada masalah	5	0.7
	Jumlah	673	100.0

Seterusnya masalah kelima ialah bahasa. Terdapat seramai 78 orang pelajar telah memilih masalah bahasa sebagai penghalang kepada pembelajaran mereka. Perkara ini berlaku disebabkan pelajar menghadapi kesukaran untuk memahami modul yang ditulis dalam bahasa Inggeris dan proses pengajaran yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Seramai 57 orang pelajar iaitu 8.5% telah memilih masalah peribadi sebagai masalah yang turut mengganggu pembelajaran mereka.

Hasil daripada kajian ini juga menunjukkan kurang daripada 50 orang pelajar telah menyatakan masalah yang sederhana serius telah mengganggu pembelajaran mereka iaitu format peperiksaan dan masalah keluarga seramai 41 orang pelajar iaitu 6.1% menyatakan format peperiksaan memberikan masalah kepada para pelajar. Masalah ini timbul disebabkan format peperiksaan di OUM sering berubah-ubah menyebabkan pelajar keliru. Di samping itu, seramai 27 orang pelajar iaitu 4% menyatakan masalah keluarga turut mengganggu pembelajaran mereka. Masalah keluarga seperti masalah rumah tangga, gangguan anak-anak dan sebagainya turut mengganggu pembelajaran belajar.

Terdapat juga kurang daripada 10 orang pelajar yang telah menyatakan terdapat masalah yang kurang serius seperti masalah sistem pentadbiran/online, tiada masalah, masalah pembelajaran, masalah tenaga pengajar, masalah kemudahan, masalah lokasi dan masalah kesihatan yang mengganggu pembelajaran mereka. Seramai 5 orang pelajar iaitu 0.7% memilih menghadapi masalah dalam sistem pentadbiran/online di OUM dan menyatakan tiada masalah yang mengganggu pembelajaran mereka. Selain itu seramai 3 orang pelajar iaitu 0.4% memilih masalah pembelajaran juga mengganggu para pelajar untuk belajar, 2 orang pelajar iaitu 0.3% memilih masalah tenaga pelajar, dan seorang pelajar iaitu 0.1% telah memilih masalah kemudahan, masalah lokasi dan masalah kesihatan sebagai masalah sampingan yang turut mengganggu pembelajaran mereka.

Kesimpulan

Kajian untuk mendapat maklum balas pelajar telah berjaya dijalankan oleh fakulti pada 2011 ke atas 673 orang pelajar dengan mengedarkan soal selidik yang tinggi reliabiliti ($\text{Alpha} = 0.88$). Walaubagaimanapun bilangan soal selidik yang boleh diproses hanya 37.7 % sahaja yang membataskan generalisasi penemuan kajian ini. Umumnya pelajar-pelajar FASS memberi persepsi positif terhadap program-program yang ditawarkan oleh fakulti secara keseluruhan dan kepada keempat-empat komponen program – kandungan program, modul, penilaian dan tutor. Persepsi positif tersebut dizahirkan oleh sebahagian besar pelajar (92.4%) yang bersedia untuk mempromosi program yang ditawarkan oleh OUM kepada ahli keluarga dan rakan taulan mereka.